



PARLIMEN MALAYSIA

A large, modern, multi-story building with a grid-like facade, likely the Parliament Building in Malaysia, set against a blue sky with clouds. A large, faint watermark of the Parliament of Malaysia logo is overlaid on the image.

RANG UNDANG-UNDANG
Kemajuan Tanah (Pindaan) 1971
DR.49/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kemajuan Tanah, 1956.

[1hb Mei, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kemajuan Tanah (Pindaan), 1971, dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Mei, 1971.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Sekshen 15 Ordinan Kemajuan Tanah, 1956, ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan sekshen-kechil (3) dengan yang berikut—

Pindaan.
20/56.

“(3) If the Chairman is unable to exercise his functions under this Ordinance owing to illness, absence from the Federation or for any other cause whatsoever, the Minister may appoint a person, whether a member of the Authority or not, to be a temporary Chairman, who shall perform all the duties and exercise all the powers which under this Ordinance are exercisable by the Chairman.”.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda Ordinan Kemajuan Tanah, 1956, untuk membolehkan Menteri melantek sa-orang lain atau sa-orang ahli Lembaga menjadi Pengerusi sementara atas apa² sebab sa-lain daripada dua sebab yang telah di-peruntokkan ia-itu apabila Pengerusi tidak berupaya menjalankan tugas²-nya di-bawah Ordinan itu oleh kerana sakit atau tidak ada dalam Persekutuan (Fasal 2).

[PN. (U²) 181.]